

# Terima anugerah MIMOS

**Kejayaan** agensi penyelidikan dan pembangunan (R&D) nasional, MIMOS Berhad menduduki tangga keenam senarai Triti Kerjasama Paten (PCT), menunjukkan tahap inovasi negara ini yang semakin maju.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ia satu pencapaian membanggakan kerana penyelidikan tahun lalu itu dikeluarkan oleh Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WHO).

"Ia sekali gus membuktikan peranan MIMOS dalam melahirkan inovasi lebih mantap pada masa depan," katanya ketika majlis

Anugerah Berprestij MIMOS 2013 - Mengiktiraf Kebermerlangan Inovasi Universiti dan Industri Pengkomersialan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Antara penerima anugerah berprestij itu termasuk Dr Zahidah Zulkifli daripada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya; Dr Afni-zanafaizal Abdullah (Kecerdasan Buatan dan Bioinformatik Kumpulan (AIBIG), Fakulti Perkomputeran Universiti Teknologi Malaysia); dan Dr Muhammad Zaini Ahmad (Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan

Malaysia).

Dr Teoh Wei Lin (Pusat Pengajian Sains dan Matematik, Universiti Sains Malaysia) serta Dr Salfarina Abdullah daripada Jabatan Kejuruteraan Perisian dan Sistem Maklumat Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia.

Dua lagi penerima ialah Penyelidikan Pembangunan MIMOS iSDP 3.0 untuk kategori harta intelek dan Dagang Net Technologies Sdn Bhd bagi kategori pengkomersialan yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zulina Mohammed Salleh.



Muhyiddin (tengah) bergambar bersama penerima anugerah.